

## Thang Ta popular macam silat? Perjalanan masih jauh...

Berita Harian, 24 May 2013, Page 33

 Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

# Thang Ta popular macam silat? Perjalanan masih jauh...

– Oleh –

YUSOFF A. RAHMAN.

BOLEHKAH seni bela diri Thang Ta menjadi popular seperti silat?

Jika ditanya kepada Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, jawapannya ia masih mempunyai perjalanan yang jauh sebelum dapat memikat perhatian ramai di sini.

Ferdous adalah antara pesilat dari Grasio yang memenangi pingat emas dalam Kejohanan Thang Ta Asia Kedua di Kolkata, India, dari 21 hingga 24 April lalu.

Grasio telah menghantar tujuh peserta dalam kejohanan tersebut.

“Jika ditanya pandangan saya, sukan Thang Ta masih menghadapi perjalanan jauh untuk menjadi popular.

“Ini kerana pendedahan sukan ini kepada dunia tidak meluas.

sukan tidak meluas.

“Ia terbatas pada negara seperti India, Bangladesh, Pakistan dan sedikit saja kawasan di Afghanistan.

“Sebagai negara dunia ketiga, sukan ini akan menghadapi kesukaran untuk berkembang luas.

“Bagaimanapun, jika segala halangan yang dihadapi sukan ini boleh diatasi, ia mungkin akan menjadi sukan bela diri yang lebih terkenal,” kata Ferdous.


Menurutnya, beliau berharap sukan ini bukan sahaja diminati kaum India bahkan bangsa lain.

Beralih kepada pengalaman pertamanya menyertai kejohanan sukan ini, Ferdous, yang akan menyertai Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Antarabangsa di Perak, Malaysia, dari kelmarin hingga Ahad ini, berkata Thang Ta Asia Kedua yang disertainya di Kolkata merupakan pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

“Ia mendedahkan kepada saya tentang budaya dan sekitaran yang berbeza.

“Sebagai muka baru dalam sukan ini, saya memang langsung tidak terfikir akan memenangi pingat emas.

“Ini lebih-lebih lagi kerana seterusnya adalah daripada Manipur, India, tempat kelahiran sukan ini,” katanya. – Oleh YUSOFF A. RAHMAN.



SHEIK FERDOUS SHEIK ALAU'DDIN:

Tidak sangka dapat mengalahkan peserta India sebelum memenangi pingat emas.

BO  
Ta me  
Jika  
dous S  
ia ma  
yang j  
perhat  
Fer  
dari G  
emas  
Asia. I  
21 hin

I

suka  
“]  
ti Inc  
sedil  
stan.  
“  
suka  
suka  
“

lang  
bole  
men  
terku  
N  
suka  
kaun  
Be  
tama  
kan in  
tai Ke  
dan A  
sia, da  
berkat  
diserta  
pengal  
pakan.  
“la  
tentat  
ber

su  
sung ti  
ninet